

HARI : SABTU
TARIKH : 7/3/2020
M/SURAT : 3A

Tingkat pengeluaran penutup hidung, mulut

Putrajaya: Pengilang penutup hidung dan mulut tempatan dalam proses meningkatkan pengeluaran bagi menampung permintaan orang ramai yang meningkat sejak kebelakangan ini susulan penularan penyakit Covid-19.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, proses pengeluaran tambahan penutup hidung dan mulut masih diteruskan berikutan pengilang tidak boleh menghasilkannya dalam jumlah yang besar dan pantas.

"Ikut kemampuan kilang... setengah itu perlu ganti mesin, setengah itu perlu dapat kebenaran menambah syif, setengah itu perlu tambah pekerja, tetapi usaha untuk meningkatkan bekalan tempatan itu berterusan dan pemantauan perkembangan dibuat dari semasa ke semasa," katanya selepas majlis apresiasi KPDNHEP untuk bekas menteri KPDNHEP Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, dan juga bekas timbalan Chong Chieng Jen, di sini, semalam.

Katanya penghasilan penutup hidung dan mulut dalam keadaan biasa adalah sebanyak lima juta sebulan, namun kini jumlah itu meningkat tiga kali ganda iaitu 15 juta sebulan berikutan penularan Covid-19.